



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

GARIS PANDUAN PENGURUSAN ICT

BIL.03/2018

GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERISIAN SECARA ‘*BRING YOUR OWN DEVICE*’ (BYOD)

1.0 Pengenalan

Penggunaan perisian secara BYOD merupakan kaedah baharu dalam usaha UiTM mempertingkatkan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran dalam era digital di samping meningkatkan produktiviti dalam pentadbiran. Peranti mudah alih BYOD seperti tablet, ipad dan telefon pintar telah menjadi peranti yang dimiliki oleh pelajar dan staf sebagai trend komunikasi masa kini. Namun begitu, penggunaan perisian untuk peranti mudah alih ini dalam persekitaran universiti perlu dikawalselia dengan baik agar memberi manfaat kepada semua pihak.

2.0 Tujuan

Garis panduan ini adalah satu tatacara penggunaan perisian secara BYOD bagi semua peringkat universiti dengan menyatakan tanggungjawab dan peranan pengguna (warga UiTM dan pihak ketiga) di UiTM di dalam penggunaan perisian BYOD.

2.0 Objektif

Garis Panduan ini disediakan bagi memastikan penggunaan perisian secara BYOD dapat diselaras dan dilaksanakan di peringkat Universiti dengan objektif seperti berikut:

- i. Memastikan PTJ/fakulti menggunakan perisian yang sah bagi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran;
- ii. Lesen perisian di kawal selia secara berpusat oleh Pengurusan ICT Universiti; dan
- iii. Pihak PTJ menentukan sendiri subjek pengajaran yang bersesuaian menggunakan kaedah BYOD.

3.0 Kategori Peranti Byod Yang Dibenarkan

Senarai kategori peranti BYOD yang dibenarkan untuk digunakan adalah seperti berikut:-

- i. NoteBook;
- ii. iPAD;
- iii. Tablet; dan
- iv. Telefon Pintar

4.0 Tatacara Penggunaan Perisian Secara Byod

- i. Penggunaan perisian BYOD yang digunakan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pentadbiran;
- ii. penggunaan perisian secara *network license* sahaja;
- iii. Memastikan rangkaian UiTM tersedia;
- iv. Senarai perisian secara *network license* di Pengurusan ICT Universiti - Matlab, Maple, ArcGIS, SPSS & AMOS dan perisian yang berkaitan;
- v. Penggunaan perisian untuk pelajar dan staf sahaja; dan
- vi. Mematuhi kaedah instalasi perisian BYOD yang dikeluarkan oleh Pengurusan ICT Universiti.

5.0 Larangan

Pengguna BYOD adalah dilarang:-

- i. Menggunakan perisian yang tidak sah;
- ii. Menggunakan perisian bagi tujuan untuk mengakses, menyimpan dan menyebarkan maklumat Rasmi dan Terperingkat kepada pihak yang tidak dibenarkan; dan
- iii. Merakam komunikasi dan dokumen rasmi untuk tujuan peribadi.

6.0 Keselamatan & Rangkaian

Pengguna BYOD yang menggunakan perisian universiti perlu memastikan peranti yang digunakan mempunyai kawalan keselamatan seperti berikut:

- i. Memastikan peranti BYOD mempunyai ciri-ciri keselamatan standard seperti penggunaan Antivirus dan memastikan sistem pengoperasian dan perisian yang digunakan sentiasa di kemaskini (*patch update*);
- ii. Pihak UiTM hanya akan menyediakan perisian Antivirus pada peranti BYOD milik UiTM sahaja; dan
- iii. Memuat turun perisian daripada sumber yang sah.

Bagi mempertingkatkan tahap keselamatan penggunaan BYOD, pihak PTJ dikehendaki mewujudkan VLAN khas untuk makmal BYOD.

Manakala untuk memastikan keperluan rangkaian yang mencukupi, pihak PTJ diminta berhubung dengan Bahagian Rangkaian bagi mendapatkan khidmat nasihat terutamanya berkaitan perkara di bawah :

- i. Memastikan *wireless connectivity* dan jumlah AP yang mencukupi; dan
- ii. Menggunakan *Bandwidth Management* dalam pengurusan rangkaian cawangan masing-masing.

7.0 Risiko/Liabiliti/Penafian

- i. Staf/Pelajar adalah bertanggungjawab menggunakan BYOD secara berhemah sepanjang masa dan mematuhi mana-mana peraturan/dasar yang berkuatkuasa; dan
- ii. Staf/Pelajar adalah bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati menyalahgunakan BYOD yang menyebabkan kehilangan/kerosakan/pendedahan maklumat rasmi Kerajaan.

8.0 Senarai Rujukan

- i. Dokumen Dasar ICT UiTM
- ii. Dokumen Dasar Keselamatan ICT 2018
- iii. Pekeliling ICT